

Produce by



Cooperation with



Special To



PRESENTING

XTRA 1: THE MUSICAL

"LIVING FOREST"

written by
TOR KARSETH
 directed by
NAWFAL M.ZAMRI
 supported by our patron
YB. DATUK MUKHRIZ TUN MAHATHIR



"First Musical Theater Performed By Children With Down Syndrome"

10 & 12 December 2010

GALA NIGHT
11 December 2010

facebook - Xtra 1: The Musical "Living Forest"

8.30 PM

AUDITORIUM MPAJ

Menara Majlis Perbandaran Ampang Jaya,
Jalan Pandan Utama, 55100 Pandan Indah,
Kuala Lumpur.



Sponsored by



Supported by



PENGENALAN

Bagi menyediakan diri dalam persembahan teater muzikal ini, kanak-kanak istimewa ini telah diberi peluang untuk mengikuti pelbagai latihan dan disiplin sebagaimana yang dikehendaki dalam setiap persembahan teater muzikal. Kanak-kanak ini berpeluang bergaul dengan semua tenaga produksi secara mesra dalam suasana kasih sayang. Mereka telah dilatih dengan disiplin pentas lakon dan semangat kerjasama dalam kumpulan yang besar.

Apa yang perlu dibanggakan lagi, hasil usaha padu anak-anak istimewa ini, persembahan Xtra 1: The Musical "Living Forest" akan disenaraikan di dalam The Malaysia Book Of Records sebagai "First Musical Theater Performed By Children With Down Syndrome".

X'tra 1: The Musical : "Living Forest"

Usaha murni ini bermula apabila Pengarah persembahan teater muzikal ini, Nawfal Mohd Zamri dari Spatial Steps, telah menawarkan dirinya bagi melatih kanak-kanak dengan sindrom Down dalam bidang teater secara percuma. Pihak Produksi telah mendapat kerjasama sebuah syarikat antarabangsa di Kuala Lumpur (EDUMONDE) yang beribu pejabatnya di Geneva, untuk mendapatkan skrip asal cerita ini daripada penulis asal dan penggubah lagunya "Tor Karseth" dari Negara Norway. "Living Forest" merupakan sebuah cerita rakyat moden yang amat popular di kalangan kanak-kanak di Norway yang bukan sahaja dipersembahkan di Negara Norway tetapi juga di negara-negara lain termasuk Negara China.

Dengan kerjasama dan sokongan daripada Pejabat Kedutaan Di Raja Norway di Malaysia, skrip asal persembahan ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Persembahan teater berkonsepkan dwi bahasa ini juga merupakan satu percubaan baru dalam memertabatkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa ibunda dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa yang digabungkan bersama tanpa meninggalkan nila-nilai estetika dalam seni persembahan teater. Produksi ini telah diselenggarakan oleh Metropolis Obsess Stage.

INTRODUCTION:


To prepare us in these musical performances, the special needs children's have been given the opportunity to attend various training and discipline as required in each of the musical theater. The children were able to get along with all the production group in the atmosphere of friendly and affection. They have been trained to discipline a stage play and a spirit of cooperation in a larger group.

What should be proud of again, is the involvement of these special needs children, offering Xtra 1: The Musical "Living Forest" will be listed in The Malaysia Book of Records as "the First Musical Theater Performed by Children with Down Syndrome".

X'tra 1: The Musical: "Living Forest"

This noble effort began when the director of this musical theater, Nawfal Mohd Zamri of Spatial Steps, held offer his services to train the children with Down syndrome in theater for free. He was given the original script "Living Forest" by an international company based in Geneva (EDUMONDE) with its satellite office in Kuala Lumpur, with permission from the original author and composer of the song "Tor Karseth" from Norway. "Living Forest" is a modern folklore that is very popular among children in Norway is not only presented in the State of Norway but also in other countries including China.

With the support from the Office of the Royal Norwegian Embassy in Malaysia, the original script of this musical has been translated into English. The concept of bilingual theater is also a new experiment in bringing Bahasa Malaysia as the first language and English as an international language, combined with indigo-leaving no aesthetic value in the performing arts theater. This production has been organized by Metropolis Obsess Stage.





Sepatah Kata
PENAUNG PRODUKSI / PATRON
YB DATUK MUKHRIZ BIN TUN MAHATHIR

Pendidikan seni bukan sekadar untuk melahirkan seorang penari, penyanyi atau pelakon semata-mata. Sebenarnya ianya dapat membantu dalam membentuk keyakinan diri serta semangat bekerjasama dalam kumpulan. Xtra 1: The Musical Living Forest merupakan sebuah hasrat murni untuk membantu kanak-kanak dengan sindrom Down di Persatuan Sindrom Down Malaysia (PSDM).

Sekalung tahniah buat Nawfal Mohd Zamri selaku Penerbit dan Pengarah persembahan yang mencetuskan idea untuk melibatkan kanak-kanak istimewa ini ke atas pentas persembahan, Spatial Steps dan Metropolis Obsess Stage yang bekerja keras menguruskan perjalanan produksi bersama anak-anak istimewa ini. Juga terima kasih kepada Pejabat Kedutaan Norway di Malaysia yang telah memberikan kerjasama menterjemahkan skrip dari bahasa Norway ini. Juga syabas kepada ahli tenaga produksi yang bertungkus lumus bekerja dalam menjayakan persembahan ini.

Semoga dengan bermulanya usaha murni seperti ini dapat membuka mata masyarakat agar tidak memandang rendah terhadap kebolehan pada golongan kurang upaya. Kepada tenaga produksi Xtra 1: The Musical "Living Forest" semoga kesungguhan ini tidak berhenti di sini sahaja dan dapat diteruskan dengan lebih meluas lagi.

Kepada semua yang menjayakan persembahan istimewa ini saya ucapkan syabas dan jutaan terima kasih.

Selamat berjaya.

PENGENALAN

Bagi menyediakan diri dalam persembahan teater muzikal ini, kanak-kanak istimewa ini telah diberi peluang untuk mengikuti pelbagai latihan dan disiplin sebagaimana yang dikehendaki dalam setiap persembahan teater muzikal. Kanak-kanak ini berpeluang bergaul dengan semua tenaga produksi secara mesra dalam suasana kasih sayang. Mereka telah dilatih dengan disiplin pentas lakon dan semangat kerjasama dalam kumpulan yang besar.

Apa yang perlu dibanggakan lagi, hasil usaha padu anak-anak istimewa ini, persembahan Xtra 1: The Musical "Living Forest" akan disenaraikan di dalam The Malaysia Book Of Records sebagai "First Musical Theater Performed By Children With Down Syndrome".

X'tra 1: The Musical : "Living Forest"

Usaha murni ini bermula apabila Pengarah persembahan teater muzikal ini, Nawfal Mohd Zamri dari Spatial Steps, telah menawarkan dirinya bagi melatih kanak-kanak dengan sindrom Down dalam bidang teater secara percuma. Pihak Produksi telah mendapat kerjasama sebuah syarikat antarabangsa di Kuala Lumpur (EDUMONDE) yang beribu pejabatnya di Geneva, untuk mendapatkan skrip asal cerita ini daripada penulis asal dan penggubah lagunya "Tor Karseth" dari Negara Norway. "Living Forest" merupakan sebuah cerita rakyat moden yang amat popular di kalangan kanak-kanak di Norway yang bukan sahaja dipersembahkan di Negara Norway tetapi juga di negara-negara lain termasuk Negara China.

Dengan kerjasama dan sokongan daripada Pejabat Kedutaan Di Raja Norway di Malaysia, skrip asal persembahan ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Persembahan teater berkonsepkan dwi bahasa ini juga merupakan satu percubaan baru dalam memertabatkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa ibunda dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa yang digabungkan bersama tanpa meninggalkan nila-nilai estetika dalam seni persembahan teater. Produksi ini telah diselenggarakan oleh Metropolis Obsess Stage.

INTRODUCTION:



To prepare us in these musical performances, the special needs children's have been given the opportunity to attend various training and discipline as required in each of the musical theater. The children were able to get along with all the production group in the atmosphere of friendly and affection. They have been trained to discipline a stage play and a spirit of cooperation in a larger group.

What should be proud of again, is the involvement of these special needs children, offering Xtra 1: The Musical "Living Forest" will be listed in The Malaysia Book of Records as "the First Musical Theater Performed by Children with Down Syndrome".

X'tra 1: The Musical: "Living Forest"

This noble effort began when the director of this musical theater, Nawfal Mohd Zamri of Spatial Steps, held offer his services to train the children with Down syndrome in theater for free. He was given the original script "Living Forest" by an international company based in Geneva (EDUMONDE) with its satellite office in Kuala Lumpur, with permission from the original author and composer of the song "Tor Karseth" from Norway. "Living Forest" is a modern folklore that is very popular among children in Norway is not only presented in the State of Norway but also in other countries including China.

With the support from the Office of the Royal Norwegian Embassy in Malaysia, the original script of this musical has been translated into English. The concept of bilingual theater is also a new experiment in bringing Bahasa Malaysia as the first language and English as an international language, combined with indigo-leaving no aesthetic value in the performing arts theater. This production has been organized by Metropolis Obsess Stage.





Sepatah Kata
PENAUNG PRODUKSI / PATRON
YB DATUK MUKHRIZ BIN TUN MAHATHIR

Pendidikan seni bukan sekadar untuk melahirkan seorang penari, penyanyi atau pelakon semata-mata. Sebenarnya ianya dapat membantu dalam membentuk keyakinan diri serta semangat bekerjasama dalam kumpulan. Xtra 1: The Musical Living Forest merupakan sebuah hasrat murni untuk membantu kanak-kanak dengan sindrom Down di Persatuan Sindrom Down Malaysia (PSDM).

Sekalung tahniah buat Nawfal Mohd Zamri selaku Penerbit dan Pengarah persembahan yang mencetuskan idea untuk melibatkan kanak-kanak istimewa ini ke atas pentas persembahan, Spatial Steps dan Metropolis Obsess Stage yang bekerja keras menguruskan perjalanan produksi bersama anak-anak istimewa ini. Juga terima kasih kepada Pejabat Kedutaan Norway di Malaysia yang telah memberikan kerjasama menterjemahkan skrip dari bahasa Norway ini. Juga syabas kepada ahli tenaga produksi yang bertungkus lumus bekerja dalam menjayakan persembahan ini.

Semoga dengan bermulanya usaha murni seperti ini dapat membuka mata masyarakat agar tidak memandang rendah terhadap kebolehan pada golongan kurang upaya. Kepada tenaga produksi Xtra 1: The Musical "Living Forest" semoga kesungguhan ini tidak berhenti di sini sahaja dan dapat diteruskan dengan lebih meluas lagi.

Kepada semua yang menjayakan persembahan istimewa ini saya ucapkan syabas dan jutaan terima kasih.

Selamat berjaya.



Seuntai Kasih
Jameyah Sheriff
Penerbit Bersekutu / Executive Producer



Assalamualaikum wr.wb:

"You must make things happen -- don't wait around for someone else to make things happen for you. While you are waiting, you will be missing out on some great things that you could have made happen for yourself." Annie Fort- a down syndrome girl.

Terima kasih dan penghargaan saya kepada pihak penganjur yang sudi memberi peluang kepada saya untuk memberi sepatah dua kata di dalam buku program ini bersempena dengan persembahan yang sudah lama kita nanti-nantikan iaitu Xtra 1: The Musical "Living Forest". Saya sangat berbangga dengan pencapaian kanak-kanak dengan sindrom Down dari Persatuan Sindrom Down Malaysia (PSDM) yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menjayakan persembahan ini.

Pihak produksi dan krew "Living Forest" juga telah memberikan sumbangan yang terbaik dan bersama-sama berusaha bersungguh-sungguh tanpa mengira masa, tenaga dan wang. Tahniah! Kepada persembahan ini yang telah mendapat penghargaan daripada The Malaysia Book of Records yang telah menganugerahkan persembahan ini sebagai "First Musical Theater Performed by Children With Down Syndrome". Semua penghargaan ini membuktikan bahawa usaha membawa kanak-kanak ke dalam dunia teater tidak sia-sia.

Semoga persembahan ini akan berjaya dengan sokongan padu dari semua!!!!!!





"Celebrate The Arts"

Nawfal M. Zamri

Penerbit & Pengarah / Producer & Director

"Everything is possible". Sebelum ini saya tidak pernah terfikir untuk melakukan projek seumpama ini. Mungkin kerana kedegaran agak mustahil dan sukar untuk melibatkan kanak-kanak dengan sindrom Down dalam persembahan teater, apatah lagi sebuah teater muzikal. Saya cuba untuk melawan pandangan tersebut dengan berpegang kepada prinsip saya selama ini dimana saya percaya bahawa setiap kanak-kanak pasti ada keistimewaan tersendiri, oleh itu saya membentuk produksi Xtra 1: The Musical "Living Forest".

Bagi saya kanak-kanak dengan sindrom Down adalah kanak-kanak yang unik dimana mereka mempunyai kelebihan yang tersendiri. Walaupun pemikiran mereka tidak begitu tajam tetapi jika mereka diberikan peluang untuk turut terlibat dalam sesebuah pementasan mereka akan berusaha menonjolkan kelebihan mereka yang tersendiri.

Saya rasa gembira sepanjang proses latihan yang di jalankan ini, kami dapat bermain dan bersukaria bersama kanak-kanak istimewa ini. Dalam proses latihan, saya tidak suka memaksa pelakon untuk melakonkan wataknya malah mereka dengan sendirinya akan memahami watak yang diberikan.

Projek ini tidak akan berjaya sekiranya saya tidak mempunyai tulang belakang yang kuat yang membantu saya sepanjang perjalanan produksi sehingga ke hari persembahan. Walau pun ada seketika saya jatuh tetapi dengan semangat dan sokongan keluarga, rakan-rakan dan orang ramai, saya tetap meneruskannya hingga ke hari ini. Berjayanya persembahan ini tidak bermakna projek sebegini akan berhenti disini sahaja, malah saya bersama kumpulan produksi akan terus memberikan khidmat dan peluang kepada kanak-kanak istimewa yang lain di masa akan datang. Saya percaya jika ada kemahuan pasti ada peluang.

With LOVE, Mr. Director!



"Stage For All"

Ahmad Syahmi Naim Bin Mohd

Pengurus Produksi / Production Manager

Anak istimewa adalah anugerah dari yang Esa, yang hanya dikurniakan kepada mereka yang benar-benar layak memilkinya dan sanggup menghadapi segala cabaran demi membesarkan anak-anak ini. Adalah menjadi tanggungjawab semua untuk memastikan anak-anak ini diberi pengasuhan, pendidikan dan peluang yang sama seperti kanak-kanak lain supaya mereka akan membesar dengan penuh kasih sayang.



Xtra 1: The Musical "Living Forest" bukan sekadar sebuah persembahan biasa. Ianya dijayakan oleh kanak-kanak istimewa yang mendapat bimbingan rapi oleh pengarah persembahan yang dibantu oleh peng giat teater tanah air dan juga ahli keluarga mereka sendiri. Penglibatan ibu, bapa dan ahli keluarga mereka dalam produksi ini merupakan sesuatu yang bermakna buat saya. Kegigihan para ibu terutamanya yang bukan sahaja menghantar anak mereka ke latihan, malah turut melibatkan diri dalam sesi latihan tersebut dengan membantu pengarah membimbing anak-anak mereka.

Sekalung penghargaan buat Nawfal M. Zamri selaku Penerbit dan Pengarah yang telah membawa saya turut serta di dalam produksi ini. Pertama kali melibatkan diri dengan produksi bersama kanak-kanak istimewa sememangnya menjadi cabaran besar buat kami. Beliau telah membuka mata saya membuatkan saya percaya dengan pegangannya bahawa "setiap kanak-kanak ada keistimewaan tersendiri". Selama mengikuti produksi ini saya gembira bekerja dan berinteraksi dengan kanak-kanak ini serta ahli keluarga mereka.

Kami amat berterima kasih dan terhutang budi dengan YB Datuk Mukhriz Tun Mahathir yang telah sudi untuk menjadi Penaung bagi produksi ini. Juga buat Tor Karseth (penulis) dan Talleraas Tina Naomi Sugahara dari negara Norway yang telah memberikan kerjasama dalam menterjemahkan skrip ini. Tidak lupa semua pihak yang menghulurkan tajaan, bantuan dan keringat, saya tidak mampu membalas budi tersebut. Dengan adanya persembahan Xtra 1: The Musical "Living Forest" ini kita telah berjaya membuktikan bahawa golongan istimewa juga mampu melakukan persembahan yang baik jika diberi peluang.

Semoga keikhlasan kita bekerja ini mendapat restu dari yang Esa.
"Pentas Untuk Semua".

Selamat menonton.



"Enjoy The Rhythm"

Pengarah Muzik / Music Director
AHMAD SYAMIEL B. MOHD SUKARNO

Anak muda berusia 22 tahun ini merupakan graduan diploma dari Fakulti Muzik di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Beliau sebelum ini pernah menjadi Pengarah Muzik bagi persembahan teater kanak-kanak Tuah (2008) dan Oliver! The Musical (2009) di bawah arahan Nawfal M. Zamri.

Antara penglibatannya dalam bidang seni persembahan ialah mengikuti Bengkel Keroncong dan Ghazal di Singapura (2007), terlibat bermain muzik di dalam Konsert Di-Raja UKM (2008), Konsert Tribute To P.Ramlee (2007), Konsert Orkestra Melayu Singapura (OMS) di Beduk Reservoir (2007), Konsert Pick Up The Pieces ASWARA (2006), Sessionist untuk kumpulan OAG di pertandingan Ikon Malaysia terbitan Astro (2006) dan banyak lagi.



"Sehayun Selangkah"
Koreografer / Choreographer
Bayu

Kariernya sebagai koreografer bermula apabila beliau menamatkan pengajian Diploma Tari di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) pada Jun 2009 lalu. Sepanjang pengajian di ASWARA, Bayu memperlihatkan kecenderungannya di dalam kerja-kerja penghasilan koreografi tari. Sifat kepimpinan yang ada dalam dirinya meletakkan dirinya di hadapan berbanding rakan-rakan sekuliahnya yang lain.

Beliau lebih cenderung kepada penghasilan koreografi yang mengupas dan menungkap realiti kehidupan dengan menggarap elemen-elemen tradisi ke dalam persembahan. Ini juga kerana pengaruh persekitaran hidupnya yang terdedah dengan seni dan budaya sejak dari kecil. Pernah terdetik di fikirannya tentang kesulitan haluan hidup jika bukan tari pilihannya.

Beliau merupakan koreografer bagi persembahan Muzikal Tun Abdul Razak arahan Dato' Rahim Razali di Istana Budaya (2009) dan Johan dalam rancangan realiti TV "Sehati Berdansa" episod 3 terbitan ASTRO.



Sekapur Sireh
Presiden Persatuan Sindrom Down Malaysia
Wan Mohd Hanizan Bin Wan Ramlan

Sukar untuk diterima bahawa individu dengan sindrom Down berupaya untuk mengambil bahagian dalam pementasan teater muzikal. Tidak terlintas dalam pemikiran saya juga bahawa mereka akan ditawarkan untuk berlakun, menari dan berdialog bersama-sama dengan mereka yang berupaya. Itulah yang dipanggil PELUANG! Sesungguhnya peluang sahaja yang dapat membuka ruang kepada golongan sindrom Down untuk mencapai kualiti hidup yang lebih baik.

Pada awal latihan, 9 bulan yang lalu, ianya adalah sebagai satu aktiviti mingguan peserta dari Persatuan Sindrom Down Malaysia (PSDM), tetapi kegigihan, kesabaran dan komitmen Spatial Steps dalam memberi tunjuk ajar, membina keyakinan dan disiplin, saya sendiri agak kagum dengan keupayaan anak-anak kami. Syabas! Saya ucapkan kepada Spatial Steps and Metropolis Obsess Stage (MOS). Terima kasih saya yang tak terhingga kepada kedua-dua syarikat yang telah memilih PSDM dan anak-anak kami sebagai peserta dalam ujian tahap keupayaan anak-anak sindrom Down. Mereka seolah-olah telah mendapat restu dari yang Maha Esa untuk bekerjasama dengan PSDM. Saya yakin ibu bapa kepada anak-anak sindrom Down yang mengambil bahagian, juga berasa bangga dengan kemampuan anak-anak mereka dalam bidang seni ini.

Kepada tuan-tuan dan puan-puan yang menonton pementasan teater muzikal ini, terima kasih diatas kesudian tuan-tuan dan puan-puan meluangkan masa sambil menderma kepada tabung kewangan PSDM. Derma tuan-tuan dan puan-puan akan memberi peluang kepada PSDM untuk meningkatkan aktiviti kearah kualiti hidup yang lebih baik untuk individu sindrom Down dan keluarga mereka. Kami terharu dengan PELUANG yang tuan-tuan dan puan-puan hulurkan.

Akhir kata, lihatlah mereka dari sudut keupayaan mereka, bukan dari sudut ketidakupayaan mereka. Selamat menonton...

Wassallam.

LATAR BELAKANG **PERSATUAN SINDROM DOWN MALAYSIA**

Persatuan Sindrom Down Malaysia (PSDM) ditubuhkan pada tahun 2001 oleh ibu-bapa kepada anak-anak dengan sindrom Down. PSDM telah berdaftar dengan resminya pada 11 Mei 2001.

Objektif



- Meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman terhadap golongan sindrom Down untuk membantu penyerapan mereka dalam masyarakat.
- Membantu dan memberi sokongan kepada golongan sindrom Down dan ahli keluarga mereka.
- Menganjurkan latihan, kursus, seminar, penyelidikan dan aktiviti berkaitan dengan sindrom Down.
- Menjuarai dan mempermudah keperluan golongan sindrom Down dalam perubahan, pendidikan, pekerjaan dan kemudahan social.

Visi

Meningkatkan kualiti kehidupan dengan sindrom Down dan keluarga mereka melalui prespektif kebajikan, kesihatan, pendidikan dan kerjaya.

Misi

Membangunkan jaringan pintar dengan agensi kerajaan, badan-badan koprat dan masyarakat umum.





SINOPSIS

Penulis : Tor Karseth
 Pengalih bahasa : Talleraas Tina Naomi Sugahara & Syahida Marzuki

"Living Forest" merupakan sebuah cerita rakyat dari Norway yang sangat terkenal di sana. Ianya mengisahkan tentang sekumpulan pokok yang hidup riang sambil menyanyi dan menari di dalam sebuah hutan. Pada suatu hari hutan ini dikunjungi oleh dua ekor arnab, mereka terkejut melihat pokok-pokok di dalam hutan ini yang boleh bergerak, menyanyi dan menari. Seterusnya mereka bersahabat. Hutan ini seterusnya dikunjungi oleh sebuah keluarga manusia...

SYNOPSIS

Script writer : Tor karseth
 Language Translator : Talleraas Tina Naomi Sugahara & Syahida Marzuki



The story of the play derives from a famous Norwegian folklore. It is about a forest that is alive and it's importance to the world. One day two rabbits walk around the forest, they were surprised to see the trees in the forest that can move, sing and dance. Then the forest was visited by a human family...



PELAKON / CAST

Muhammad Qalif Khan
 Syed Izmil Aikal Bin Syed Abdul Aziz
 Najua Binti Nasir
 Shahrul Mizad Bin Ashaari
 Shariful Akma Bin Abdullah
 Balkis Binti Omar
 Muhammad Izzul Ruzaini Bin Rasli
 Norreen Iman Binti Abdullah
 Nadira Binti Mohd Ibrahim
 Wan Amirul Aqil Bin Wan Mohd Hanizan
 Hyrul Anuar Bin Md Jusoh
 Hasbullah Sollehin Bin Zamri
 Batrisyia Binti Shariffudin
 Damia Binti Shariffudin
 Nadira Binti Mohd Ibrahim
 Muhamad Syazwan Bin Mohd Hashim
 Ahmad Fikri Bin Ahmad Fuad
 Nurul Aina Florinna Binti Abdullah
 Muhammad Dzul Asyraf Bin Md Safian
 Mariani Binti Abdullah
 Irene Teng

Ben
 Harriet
 Nenek
 Tunggul Kayu
 Ayah
 Ibu
 Pokok
 Pokok
 Pokok
 Pokok
 Boboy
 Penebang Hutan
 Kumpulan Pokok
 Kumpulan Pokok
 Kumpulan Pokok
 Kumpulan Pokok
 Kumpulan Pokok
 Kumpulan Pokok
 Kumpulan Pokok
 Kumpulan Pokok
 Kumpulan Pokok





PELAKON ISTIMEWA / SPECIAL CAST

Nassuhada Binti Ngasri
 Elia Atikah Binti Muhammad Erwan Khoo
 Chong Ne Fong
 Farhan Hazman Bin Azhar
 Syarifah Aina Binti Sayed Jamaluddin Safri
 Nur Izzaty Binti Rasli
 Lim Zi Ren
 Syed Izmir Aizal Bin Syed Abdul Aziz
 Wan 'Alya Azri Binti Wan Mohd Hanizan
 Muhammad Amin Bin Khalit
 Suriati Binti Mohd Nor
 Mirza Syamina Putri Binti Sa'adon
 Amirah Sorfina Binti Amran
 Akhillah Binti Zubir

Gegirl & Kumpulan Pokok
 Pokok
 Pokok
 Kumpulan Pokok
 Kumpulan Pokok
 Kumpulan Pokok
 Kumpulan Pokok
 Kumpulan Pokok
 Kumpulan Pokok
 Kumpulan Pokok
 Kumpulan Pokok
 Kumpulan Pokok
 Kumpulan Pokok
 Kumpulan Pokok
 Kumpulan Pokok

PEMUZIK / MUSICAN

Ahmad Syamiel Bin Mohd Sukarno
 Mohd Sukhairi Bin Abdul Samat
 Mohd Syahmi Afif Bin Mohd Noor
 Tham Kam Jun
 Ammar Izwan Bin Alwi Aizhar
 Shah Rezza Bin Abdul Aziz
 Syahrizan Bin Sahamat



Guitar
 Guitar Acoustic
 Keyboard 1
 Keyboard 2
 Bass
 Drum
 Percussion

PENYANYI LATAR / BACK UP VOCAL

Nur Hidayah Bt. Jamaluddin | Hasraniza Bt. Dollah | Nor Azura Bt. Abu Bakar

KOIR / CHOIR

Muhammad Hairul Naim Bin Mohd Samsi | Nur Zahirah Binti Ahmad Fuad
 Che Danial Irfan Bin Che Badrul Hisham | Muhammad Naim Naufal Bin Aminudin
 Ain Natasha Farha Bt Azillah | Mohd Harith Khan Bin Jamaluddin
 Nur Zunairah Afiqah Binti Bisri | Nur Aina Nazira Binti Noor Azim
 Muhammad Nazmi Bin Mohd. Jesri | Ahmad Syauqie Bin Mohd. Sukarno
 Athilia Mohd Zamri | Wildani Mohd Zamri



"LIVING FOREST"

1. YB Datuk Mukhriz Bin Tun Mahathir
2. Jameyah Sheriff
3. Nawfal Mohd Zamri
4. Ahmad Syahmi Naim Bin Mohd
5. Tor Karseth
6. Talleraas Tina Naomi Sugahara
7. Syahida Marzuki
8. Najua Binti Nasir
9. Ahmad Syamiel Bin Mohd Sukarno
10. Bayu
11. Syahida Binti Marzuki
12. Muhamad Syazwan Bin Mohd Hasyim
13. Nadira Binti Mohd Ibrahim
14. Siti Nor Katijah Binti Said Abdul Malek Shah
15. Grace Yoeh Ern Hui
16. Mohd Zulhafiz Bin Mohd Noor
17. Norasila Binti Laily
18. Siti Suria Suryani
19. Mohd Nurul Hazirin Bin Shamsul Kamar
20. Mohamed Yusman Bin Mokhtar
21. Suhaib Bin Daud
22. Muhammad Taufek Bin Husin
23. Nawfal Mohd Zamri
24. Irene Teng
25. Soo King Wah
26. Ee May Ching
27. Faiqah Binti Norman
28. Mas Noor Aqyla Mas Thajudeen
29. Nur Siti Aisyah Binti Mohd Yusof
30. Nurhidayah Binti Mustapha
31. Nurul Atiqah Binti Mohd Aidi
32. Aina Amalia Binti Anuar
33. Zuwandi Bin Abdul Razak
34. Aminuddin Bin Abd Aziz
35. Mohd Khairul Anuar Bin Md Jusoh
36. Marduwati Binti Laily
37. Nur Salma Binti Abdul Manaf
38. Nor'aini Binti Jaafar
39. Hanida Binti Haron
40. Muhammad Ashraff Bin Samsuddin
41. Ahmad Ashraff Bin Jamil
42. Muhammad Fadhil Bin Zulkifri
43. Mohd Hairul Hakimi Bin Abdul Ghani
44. Dinie Aslam Bin Abdul Rahman
45. Mohd Fahmir Adzran Bin Ramlee

- Penaung / Patron
 Penerbit Bersekutu / Executive Producer
 Penerbit & Pengarah / Producer & Director
 Pengurus Produksi / Production Manager
 Penulis Skrip / Scriptwriter
 Pengalih Bahasa / Language Translator
 Pengalih Bahasa / Language Translator
 Jurulatih Lakon / Acting Coach
 Pengarah Muzik / Music Director
 Koreografer / Choreographer
 Fasilitator Lakonan / Acting Fasilitator
 Fasilitator Lakonan / Acting Fasilitator
 Fasilitator Lakonan / Acting Fasilitator
 Fasilitator Lakonan / Acting Fasilitator
 Pengurus Pentas / Stage Manager
 Pembantu Pengurus Pentas 1 / Asst. Stage Manager 1
 Pembantu Pengurus Pentas 2 / Asst. Stage Manager 2
 Pereka Set & Props / Set & Props Designer
 Pereka Latar / Back Drop Designer
 Tatarias / Make Up Designer
 Juru Solek / Make Up Team
 Pereka Kostum & Tatacahaya / Lighting & Costume Designer
 Pembantu Kostum / Wardrobe
 Pembantu Kostum / Wardrobe
 Pembantu Kostum / Wardrobe
 Sambutan / Front Of House
 Sambutan / Front Of House
 Sambutan / Front Of House
 Sambutan / Front Of House
 Sambutan / Front Of House
 Sambutan / Front Of House
 Dokumentasi / Documentation
 Dokumentasi / Documentation
 Pereka Baju T Produksi / Production T-Shirt Designer
 Pereka Poster / Poster Designer
 Pereka Poster / Poster Designer (Idea & Concept)
 Ahli Jawatan Kuasa / Committee Members
 Ahli Jawatan Kuasa / Committee Members
 Penata Audio / Sound Designer
 Krew Musik / Music Crew
 Krew Musik / Music Crew
 Krew Musik / Music Crew
 Krew Musik / Music Crew
 Krew Musik / Music Crew



CARTA ORGANISASI PERSATUAN SINDROM DOWN MALAYSIA

PENAUNG
 Y.B Datuk Mukhriz Bin Tun Mahathir

PENASIHAT
 Y.Bhg Datuk Abdullah Bin Abdul Rahman
 Y.Bhg Puan Sri Datin Saidatul Akmar Binti Abdul Rahim



MANTAN PRESIDEN
 Profesor Madya Dr. Sharifah Zainiyah Binti Syed Yahya



PRESIDEN
 Mr Wan Mohd Hanizan Bin Wan Ramlan

TIMBALAN PRESIDEN
 Dr Haron Jaffar

SETIAUSAHA KEHORMAT
 Mrs Hanizan Binti Hussin

AHLI JAWATANKUASA
 Dr. Yeo Kee Jiar | Loheswari | Tan Bee Jin | Norhana Binti Abu Bakar
 Tuan Hj Abdul Rahman Mustafa
 Tuan Hj Ahmad Suhaimi Bin Abu Bakar







SPATIAL STEPS

"celebrate the arts"

- theater class
- dance class
- vocal class
- art & craft class
- production house
- training consultation
- costume & props rental



B103 PERDANA CONDO, JALAN PJU 8/1,
 BANDAR DAMANSARA PERDANA,
 47820 PETALING JAYA, SELANGOR
 tel 0174555654 fax 0377108864
 email spatialsteps@yahoo.com



MO STAGE

METROPOLIS
OBSESSES

THEATER, DRAMA, DANCE & MUSIC
 WORKSHOP AND SEMINAR
 EVENT MANAGEMENT
 PRODUCTION MANAGEMENT
 STAGE MANAGEMENT
 CREATIVE CONSULTANT
 TALENT CASTING

TRADITIONAL ~ CLASSIC ~ CONTEMPORARY ~ MODERN ~ EXPERIMENTAL

TEL 017 3764 525 EMAIL STAGEFORALL@GMAIL.COM WEB HTTP://WWW.MOSTAGE.COM
 FACEBOOK MO STAGE

"STAGE FOR ALL"





EduMonde consolidates more than 12 years of Worldview Global Media's (WGM) experiences in use of communication for education and social development. EduMonde's Board of Directors and Advisors comprise of international experts in education policies, public sector, health, cross cultural, poverty interventions and emerging economies.

EduMonde and Worldview are committed to the United Nations Millennium Development Goals. All our initiatives are targeted towards life-long learning and closing the gap between information and understanding

Solution for Capacity Building

Empower societies through knowledge and understanding by harnessing collective human capacities and potential using the latest information and communication technologies and approaches for the development of Capacity Building through:

- the creation of an enabling environment with appropriate policy and legal frameworks;
- institutional development, including community participation
- human resources development and strengthening of managerial systems.



Another essential mechanism for capacity building is partnership development. Partnerships give a local NGO access to: knowledge and skills; innovative and proven methodologies; networking and funding opportunities; replicable models for addressing community needs and managing resources; options for organizational management and governance; and strategies for advocacy, government relations and public outreach.

OUR SOLUTIONS:

Accessible

Affordable

Adequate Solutions

The EduMonde Group focuses on building capacities of individuals and groups in under-served communities.

Upin & Ipin™

Ben Kawan-kawan

Kids Toiletries Range

NEW TRAVEL PACK!
Travel Pack Kids Toiletries Range
Upin & Ipin

Manufactured & Distributed by: Wonderland Primary Sdn Bhd (877104-M)
No. 15, 16, Jalan SG-7, Pusat Perniagaan, Sg Chua,
43000 Kajang, Selangor
Tel: +603 89272222 F: +603 89272222

TM & © 2010 Les Copaque Production Sdn. Bhd. Hak Cipta Terpelihara.

OUR INITIATIVE

The Learning Alliance

TLA online
The key objective of The Learning Alliance (TLA) is to provide accessible, affordable and adequate learning resources to meet with individual's needs for life-long learning and sustainable development of communities. Blended Learning methodology are used to be able individual to access available facilities, technology, media and materials matching those that apply to one prior knowledge and style of learning to achieve an instructional goal.

DEPS
DEPS is an innovative participatory approach to enhance the quality of public service in developing countries. The dual objective concept ensures a pull and push mechanism.

While on one hand it focuses on building capacities of middle level public servants, on the other hand, through a multimedia campaign, it raises awareness and encourages people to seek quality services.

EduMonde's Health System Support and Strengthening (HS3) concept provides an alternative business model that may be explored by countries to tackle health care worker shortages in both, the source and host countries.

Worldview Multimedia Education
Worldview Multimedia Education (WME) is an enterprise designing and developing information and communication technology products and services that facilitate societal development.

WME has been recognized as a social enterprise for its groundbreaking initiatives notably the Smart Village Project focusing on use of ICT for social development and the Landmines project, an interactive multimedia platform enhancing capacities to deal with the landmines problem.

CECD
Competency For Early Childhood Development
CECD is an international Non Governmental Organisation based in Malaysia with international membership. CECD will have the advantage of deploying media broadcasting to enable members to develop communication and interaction among stakeholders in ECD professionalism and best practices. An opportunity to be involved in assisting the media broadcasters to produce quality developmentally appropriate programs that will support child development which will enhance children's care and education through changing trends in education and technology, health awareness and cross cultural understanding.

global pedlars
The global Pedlars is an initiative by Worldview Global Media SA (WGM) targeting long-term societal development through capacity building and livelihood generation in underserved communities. We aim to provide practical solution towards economic as well as social and individual empowerment.

Global Pedlars was first initiated in Sri Lanka after the devastating Tsunami in 2004. The success and experiences of the project encourage WGM to introduce it in other country in Asia.

Global Pedlars is a communication approach designed to help producers in developing regions to develop and adapt their products to the demands of affluent markets and thus to improve personal income and societal development.

The Board Director:

Otto Evjenth

Tan Sri Johari Mat
Chairman

Dr Werner
Hosewinckel Christle

Oyvind Peder Saether

Jameyah Sheriff
Key Account Manager
(Education)

EduMonde (Malaysia) Sdn Bhd
Business Suite 19A-19-2, Level 19, UOA Building
19, Jalan Pinang, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603 2166 3006
Fax: +603 2166 7006

Malaysia Norway Business Council

NICE VISION RESOURCES

**LOT PG-32, TROPICS SHOPPING CENTRE,
JALAN PJU 8/1, BANDAR DAMANSARA PERDANA
47820 PETALING JAYA, SELANGOR**
TEL: 03 77108854 FAX: 03 77108864
Email: nicevision@ymail.com

Give your child the world in Educational Toys

Schools - Preschools - Early Childhood

AZNOR COOKIES

**KK 64 KG TANJANG MEDAN PARIT 18
SG BESAR 45300 SELANGOR**
013 2289485 (NORHAYATI) 0132714210 (AZHAR)

PEMBEKAL BISKUT DAN KEREPEK TRADISIONAL

"cikgu kami graduan IEYO"

DAFTARLAH SEKARANG!

www.ieyd.edu.my

+603 7710 6511

XTRA 1: T

Early Years Development Sdn.Bhd 688039-U
Anak Syarikat Educate To Learn Sdn Bhd 655424-T

CONVOCATION

PORTRAITURE

WEDDING

MACRO

Photo does speak.

Photo Syndrome
 photosyndrome@gmail.com

19

Find us on Facebook
 keyword: photosyndrome

flickr.com/photosyndrome

XTRA 1: THE MUSICAL "LIVING FOREST"

EduMonde
Société pour l'Éducation Mondiale



PENGHARGAAN / SPECIAL THANKS

Pihak Produksi Xtra 1: The Musical "Living Forest" merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak dan individu yang telah terlibat membantu melaksanakan kejayaan pementasan ini.

Tor Karseth (Penulis)

Talleras Tina Naomi Sugahara (Pengalih Bahasa)

Rosminah Tahir (Dekan Fakulti Teater)

ALUMNI Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan

Penuntut Program Ijazah Sarjana Muda Fakulti Teater ASWARA

SMK Taman Jasmin 2, Kajang

SK Bandar Tasik Puteri, Rawang

Leny Herlina

Rime Nazren Abdul Razak

Balkis Omar

Low Kok Eng

Ng Ai Ling

Teh Eng Yeap

Habsah Mohamad Isa

Fedtri Yahya

Hanida Binti Haron

dan

semua pihak, sama ada berkumpul atau perseorangan yang telah menyumbang dan membantu melaksanakan persembahan Xtra 1: The Musical "Living Forest".

onechinoiz
studio



nice
VISION
resources



Malaysia
Norway
Business
Council



KELAB KEBUDAYAAN
SELENDANG SARI



THE
MALAYSIA
BOOK
of
RECORDS



ALUMNI ASWARA

FAKULTI TEATER
aswara

Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan

NICE VISION RESOURCES

LOT PG-32, TROPICS SHOPPING CENTRE,
JALAN PJU 8/1, BANDAR DAMANSARA PERDANA
47820 PETALING JAYA, SELANGOR
TEL: 03 77108854 FAX: 03 77108864
Email: nicevision@gmail.com



Give your child the world in Educational Toys
Schools - Preschools - Early Childhood

AZNOR
COOKIES

KK 64 KG TANJANG MEDAN PARIT 18
SG BESAR 45300 SELANGOR
013 2289485 (NORHAYATI) 0132714210 (AZHAR)

PEMBEKAL BISKUT
DAN KEREPEK TRADISIONAL



"cikgu kami
graduan IEYO"



**DAFTARLAH
SEKARANG!**

www.ieyd.edu.my

+603 7710 6511

XTRA 1: T

Early Years Development Sdn.Bhd 688039-U
Anak Syarikat Educate To Learn Sdn Bhd 655424-T

Find us on Facebook
keyword: photosyndrome




Photo does speak.

Photo Syndrome
photosyndrome@gmail.com

19

flickr
flickr.com/amsaz

XTRA 1: THE MUSICAL "LIVING FOREST"



EduMonde
Société pour l'Éducation Mondiale



onechinoiz
s t u d i o



nice
VISION
resources



Malaysia
Norway Business
Council



KELAB KEBUDAYAAN
SELENDANG SARI



THE
MALAYSIA
BOOK
of RECORDS



ALUMNI ASWARA

FAKULTI TEATER
aswara
Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan

PENGHARGAAN / SPECIAL THANKS

Pihak Produksi Xtra 1: The Musical "Living Forest" merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak dan individu yang telah terlibat membantu melaksanakan kejayaan pementasan ini.

Tor Karseth (Penulis)

Talleraas Tina Naomi Sugahara (Pengalih Bahasa)

Rosminah Tahir (Dekan Fakulti Teater)

ALUMNI Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan

Penuntut Program Ijazah Sarjana Muda Fakulti Teater ASWARA

SMK Taman Jasmin 2, Kajang

SK Bandar Tasik Puteri, Rawang

Leny Herlina

Rime Nazren Abdul Razak

Balkis Omar

Low Kok Eng

Ng Ai Ling

Teh Eng Yeap

Habsah Mohamad Isa

Fedtri Yahya

Hanida Binti Haron

dan

semua pihak, sama ada berkumpulan atau perseorangan yang telah menyumbang dan membantu melaksanakan persembahan Xtra 1: The Musical "Living Forest".



"First Musical Theater Performed by Children with Down Syndrome"

MALAYSIAN BOOK OF RECORDS | SPATIAL STEPS | METROPOLIS OPSES STAGE



Xtra 1: The Musical "Living Forest"